

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NASIONAL

DH 14/5/25 Rabu Nasional

KKM kaji impak perundangan, surveilan kes vape



Jawatankuasa terima pelbagai maklum balas termasuk gesaan rokok elektronik diharamkan

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Jawatankuasa Kajian Vape dan Rokok meneliti isu berkaitan impak penguatkuasaan perundangan sedia ada serta surveilan bagi kes berkaitan implikasi penggunaan vape.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata jawatankuasa itu ditubuhkan susulan KKM menerima pelbagai maklum balas berhubung impak vape kepada kesihatan awam.

"Seminggu dua ini, tumpuan saya antara lain meneliti bagi mempertimbangkan gesaan pihak awam, beberapa agensi dan individu yang mahu vape diharamkan."

"Isu ini sedang diteliti melalui Jawatankuasa Kajian Vape dan Rokok yang baru ditubuhkan, ditunjangi Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Dr Ismuni Bohari dan Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman (penasihat KKM dalam isu kesihatan awam)."

"Jawatankuasa ini akan teliti impak penguatkuasaan perundangan sedia ada dan surveilan bagi kes (berkaitan vape) yang menyebabkan implikasi untuk keputusan dibuat berdasarkan bukti."

"Kita juga teliti impak peraturan sedia ada dan selepas itu dibawa kepada jawatankuasa ini untuk lihat apa yang terbaik, sama ada teruskan (peraturan sedia ada) dan cadangan lain dirasakan munasabah," katanya selepas Majlis Perasmian Sambutan Hari Bidan dan Hari Jururawat Peringkat Kebangsaan 2025 di Auditorium Institut Kanser Negara (IKN), di sini semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Setiausaha Agung Dewan Perniagaan

Segera haramkan e-rokok



Keratan akhbar BH Sabtu lalu.

Vape Malaysia (DPVM), Ridhwan Rosli yang berpandangan penyalahgunaan dadah dalam vape berlaku kerana tiada agensi melakukan pemantauan ke atas pasaran rokok elektronik.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dilaporkan merayu pihak pentadbir negeri yang masih belum mengaharamkan penjualan vape dan e-rokok supaya segera berbuat demikian demi menyelamatkan nyawa kanak-kanak dan pelajar sekolah sebelum ia memusnahkan kehidupan mereka.

Pegawai Pendidikan CAP dan aktivis antirokok, NV Subbarow, dilaporkan berkata, kini individu yang masih muda dengan umur antara lapan hingga 16 tahun sudah mengamalkan tabiat menghisap vape dan e-rokok.

Isu elaun jururawat

Sementara itu, Dr Dzulkefly berkata, isu elaun jururawat yang turut dibangkitkan Kesatuan Jururawat Malaya (MNU) masih dalam perbincangan pada peringkat kementerian.

"Saya sudah arahkan perkara ini diteliti. Namun, ia memerlukan sedikit masa kerana masih pada peringkat perbincangan."

"Apa yang kita sedang teliti adalah babitkan elaun pos basik," katanya.

MNU sebelum ini menggesa kerajaan menyemak semula semua elaun jururawat termasuk elaun wilayah RM1,000 sebulan bagi jururawat yang berkhidmat di luar negeri asal.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL



Dr Dzulkefly (tengah) melancarkan buku 'Standard Criteria For Accreditation Of Nursing Programmes (2025)' pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Bidan dan Hari Jururawat Peringkat Kebangsaan 2025 di Institut Kanser Negara di Putrajaya, semalam.
(Foto BERNAMA)

Waktu kerja jururawat 45 jam

KKM mohon lanjut tempoh moratorium

Kementerian perlu tambahan masa sebulan lagi muktamad keputusan laksana arahan mengikut SSPA

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) akan memohon pelanjutan moratorium sebulan lagi berhubung pelaksanaan tempoh bekerja 45 jam seminggu bagi petugas syif termasuk jururawat, penolong pegawai perubatan dan pemandu ambulans di hospital kepada Jemaah Menteri.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata langkah itu perlu memandangkan pihaknya memerlukan sedikit masa sebelum memuktamad keputusan sama ada meneruskan pe-

laksanaan arahan baharu mengikut Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) yang memerlukan petugas bekerja tambahan tiga jam seminggu.

Katanya, garis masa moratorium terbabit yang bermula Februari lalu akan berakhir pada 31 Mei ini.

"KKM dapat moratorium sehingga hujung Mei ini sebelum kita bentang satu rumusan dan ketetapan baharu. Ini saya kira sudah pada peringkat akhir.

"Saya cenderung untuk katakan, saya terpaksa memohon kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dan rakan Kabinet supaya izinkan (moratorium) dilanjutkan sebulan lagi.

"Memang mudah buat keputusan, tetapi yang mustahak ialah memastikan segala pertimbangan, perhitungan dan keprihatinan serta cakna kepada keadilan dan membudayakan cara kerja yang selamat serta seimbang untuk semua yang terbabit dalam bidang kejururawatan ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Sambutan Hari Bidan dan Hari Jururawat

Peringkat Kebangsaan 2025 di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha KKM, Datuk Seri Suriani Ahmad; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan), Datuk Dr Nor Azimi Yunus; Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Dr Ismuni Bohari; Pengarah Kejururawatan KKM, N Gowry dan Pengarah Institut Kanser Negara, Dr Nur Aslina Bahakodin.

Suarakan kebimbangan

Sebelum ini media melaporkan beberapa pihak menyuarakan kebimbangan mengenai arahan baharu di bawah SSPA yang memerlukan petugas hospital, termasuk jururawat yang bekerja secara syif bertugas selama 45 jam seminggu, bertambah daripada 42 jam ketika ini.

Sehubungan itu, Februari lalu, Dr Dzulkefly memaklumkan kementerian itu memohon moratorium tempoh interim selama tiga bulan, antaranya bagi meneliti pelbagai cadangan dan mengadakan sesi libat urus membabitkan semua petugas yang terbabit.

AKHBAR : NEW STRAITS TIME
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

NST Nxtkn mls 3 /4/5/25 Rabu

VAPE COMMITTEE FORMED

Decision follows reports of underage vape use and death linked to product

ZAF SERAJ
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Health Ministry has set up a special committee to examine the misuse of vapes and cigarettes, especially among students.

The decision follows reports of underage vape use and a death allegedly linked to vaping.

Health Minister Datuk Seri Dzulkefly Ahmad said he directed a team to evaluate enforcement under the Control of Smoking Products for Public Health Act 2024 and to monitor those involved to support evidence-based decisions.

Dzulkefly said the committee was chaired by Health deputy



The 'New Straits Times' front-page report on the vaping issue on May 12.

director-general (public health) Dr Ismuni Bohari.

He said the move followed the full enforcement of the Control of Smoking and Tobacco Prod-

ucts Act 2024 on Oct 1 last year.

"We take note of the few cases that have gone viral, including a video showing a group of students vaping and one death al-

legedly due to vaping.

"However, (on the case involving death), preliminary investigations found that there are other comorbidities that need to be clarified before any decision is made."

Dzulkefly said the ministry remained committed to tackling vaping in a comprehensive manner.

On Monday, the *New Straits Times* reported that public health advocates and civil society groups called on the government to consider clamping down or even implementing an outright ban on vapes in the country.

Their call came in the wake of a recently released longitudinal study by the Oxford University that found vaping could more than double the risk of serious lung diseases.

The study, published on March 15 and involving almost 250,000 participants, found that those who vaped, even without a history of smoking, were 2.29 times as likely to develop chronic obstructive pulmonary disease.

AKHBAR : NEW STRAITS TIME
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

45-HOUR WORKWEEK

Dzulkefly plans to extend moratorium

PUTRAJAYA: Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said he was inclined to seek a further one-month extension of the moratorium on the implementation of the 45-hour workweek for public healthcare workers.

Speaking at the National Midwives and Nurses Day celebration here yesterday, he stressed that a fair and safe working culture was essential for healthcare professionals, who worked tirelessly around the clock.

"I will not be satisfied making a decision without fully understanding the issue from every angle — 360 degrees — and gaining in-depth insight into the field of nursing, including the different

settings, groupings and workloads, whether in clinics or hospitals."

Dzulkefly said the Health Ministry was expected to present its proposal in July, in response to the Public Service Department (PSD).

The proposal will include findings from comprehensive stakeholder engagement concerning the 45-hour work week.

Previously, he said the PSD had approved a three-month interim period — from Dec 1, 2024 to Feb

28, 2025 — to prepare for the introduction of the new shift system. The media later reported that the moratorium had been extended, with May 1 the revised deadline.

Meanwhile, Dzulkefly said the Health Ministry was trying to find a solution that would use the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 to govern the display of medicine prices.

"We are responsive. We listen to you. We know where you're coming from," he said.

This was in response to the Malaysian Medical Association's protest last week against the use of the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 on private clinics.

He said the MMA's call to revise the general practitioners fees and the law regulating the display of prices would be finalised by the end of this month.

On a separate matter, Dzulkefly said the increment of nurse allowances in public healthcare facilities was being discussed.



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (centre) launching the 'Standard Criteria for Accreditation of Nursing Programmes (2025)' book at the National Midwives and Nurses Day celebration in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Parents on alert for HFMD

Spike in viral cases compels some to take extra precautions

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: A seemingly harmless mouth ulcer was the initial sign.

Within days, spots appeared on the hands of Muhammad Firdaus Mokhtar's two-year-old son. Prompted by these developments, the personal assistant took his son to the doctor, who subsequently diagnosed him with Hand, Foot, and Mouth Disease (HFMD).

"We immediately called the daycare centre to ask if there were other cases there," he recounted regarding the incident from last month.

"The taska confirmed that another child had been down with HFMD but was already quarantined. So I decided to quarantine my son for one week as well," said Muhammad Firdaus, 36.

His son's condition is one of the many recent HFMD cases

throughout the country.

A statement from the Home Ministry on Monday said there had been a 266% increase in cases nationwide so far this year, with 99,601 cases.

About 10% of these cases were related to outbreaks of HFMD, while the rest were sporadic.

Selangor recorded the highest number of infections, making up 27.2% of cases, followed by Johor (9.9%), Perak (9.4%), Kelantan (7.2%), and Kuala Lumpur and Putrajaya (6.9%).

IT executive Rafiqha Mustaffa, residing in Puchong, Selangor, decided not to send her daughter to preschool following the discovery of two cases there. Furthermore, she said the school management had closed the place for a week to carry out sanitation after the two cases occurred.

"We are grateful that the school has been strict with its health protocols. They would check the body

temperature of each child. Occasionally, they would also inspect their hands and feet for symptoms of the illness."

Rafiqha, 33, said the school would not allow entry to anyone who was unwell.

Likewise, she said parents should not send ill children to classes to avoid infecting others.

Marketing manager Abd Adam Abd Samad, who has a three-year-old daughter, is not in a hurry to send her to daycare.

"So far, the schools I have visited are strict if a child starts showing symptoms. But I am still wary of the possibility of some parents who have no choice but to leave their children at the nursery," said Abd Adam, 35, who hails from Shah Alam.

Therefore, he recommended that employers permit parents to work from home or grant them flexible hours to take care of their sick children.

Meanwhile, Association of Registered Child Care Providers Malaysia president Norsheila Abdullah said parents and caretakers must be more aware of their children's movements and keep them and their clothes clean.

"A lot of the time, the origin of these cases can be traced from outside a care centre but often goes unnoticed by parents. It can be from a trip to a playground, swimming pool or even toys that are moved from one place to another.

"This is why at the taska, we often sanitise regularly and advise parents to do the same, especially with the toys and items used by the children to avoid cross contamination," she said in response to the spike in HFMD cases.

She acknowledged that there was a trend or cycle to outbreaks, but it was also important to find out the source of the infections.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

The star website 14/5/25 m/s s
Nation

Govt weighs MMA proposal on medicine displays

PUTRAJAYA: The Health Ministry is contemplating a proposal from the Malaysian Medical Association (MMA) on the implementation of a rule for displaying medicine prices under the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 (Act 586), says Minister Datuk Dr Dzulkefly Ahmad.

The proposal, which was included in a memorandum submitted by the MMA, has garnered the attention of Prime Minister

Datuk Seri Anwar Ibrahim, who has advised the ministry to conduct a thorough study and evaluation of the proposal.

"The Prime Minister has asked me to carefully review their memorandum, and I have taken this matter seriously.

"I have directed the top leadership of the ministry to look into how we can address the request fairly and consider the feasibility of placing the medicine price dis-

play requirement under Act 586, which falls under the ministry's purview," Dzulkefly told a press conference after attending the 2025 National Midwives and Nurses Day celebration here.

He said the ministry is responsive and welcomes constructive suggestions aimed at strengthening the healthcare system.

Last Tuesday, MMA urged the government to reassess the application of the Price Control and

Anti-Profiteering Act 2011 (Act 723) within the medical sector.

This request pertains to the recent regulation that mandates private clinics and pharmacies display the prices of medicines, which began this month.

In its memorandum, the MMA expressed its full support for transparency in drug pricing; however, it recommended that this transparency be implemented through Act 586.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

45-hour work week delayed

Enactment of new working hours for nurses pushed back

PUTRAJAYA: The interim moratorium on the implementation of a 45-hour work week for nurses in government hospitals has been extended by another month, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said the extension was to enable the ministry to examine and understand various aspects of healthcare workers, especially welfare issues, before recommendations are presented to the Cabinet on July 1.

"The process is now in its final stage, and engagements have been held several times. But as I said before, I will not decide without a thorough understanding of the nursing programme and related matters.

"Going from here, it is for me to conclude, but what is important is to consider all factors so that whatever decision is made will be truly fair," he told a press conference.

Dzulkefly was reported to have said that the Public Service Department had approved an interim period of three months, from Dec 1, 2024, to Feb 28, 2025, to prepare for the implementa-



Tireless workers: Dzulkefly (seated, centre row) posing with medical staff for the national-level Midwife Day and Nurses Day celebration at the National Cancer Institute. — Bernama

tion of a 45-hour work week at the Health Ministry.

On Nov 21 last year, Dzulkefly said that the change in shift work hours for nurses was appropriate, subject to the Public Service

Remuneration System that was implemented on Dec 1, 2024.

He said the 45-hour work week was essentially reduced by one hour compared to 46 hours as provided under General Orders.

WATCH THE
VIDEO
TheStarTV.com



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : LOKAL

Harian Metro 14/5/25 Rabu Lokal Wjs 12

Penyakit tangan, kaki dan mulut meningkat 266 peratus

Putrajaya: Sebanyak 99,601 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) dilaporkan di seluruh negara tahun ini sehingga minggu epidemiologi (ME) ke-17 berakhir 26 April lalu, meningkat 266 peratus berbanding 27,236 kes bagi tempoh sama tahun lalu.

Kementerian Kesihatan

Malaysia (KKM) dalam kenyataan memaklumkan 10,421 kes atau 10 peratus adalah berkaitan wabak manakala 89,180 kes lagi berlaku secara sporadik.

"Lima negeri mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu Selangor (27.2 peratus), diikuti Johor (9.9 peratus), Perak (9.4 peratus),

Kelantan (7.2 peratus) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan 6.9 peratus.

"Secara kumulatif, terdapat 2,649 wabak berbanding 1,339 wabak bagi tempoh yang sama pada 2024 iaitu peningkatan sebanyak 49 peratus. Daripada keseluruhan wabak ini, seba-

nyak 578 berlaku di taska (22 peratus), 480 di tadika (18 peratus), 292 di tabika (11 peratus) dan 251 di prasekolah (sembilan peratus)," menurut kenyataan itu.

KKM memaklumkan sebanyak 38,285 premis diperiksa di seluruh negara melibatkan taska, tadika,

tabika, prasekolah serta rumah kediaman dan sebanyak 1,140 premis diarahkan tutup di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 manakala 430 premis ditutup secara sukarela.

"Setakat ini, tiada kematian berkaitan HFMD dilaporkan," menurut kenya-

taan itu dan memaklumkan sebanyak 220 sesi latihan dan taklimat telah dilaksanakan di seluruh negara oleh Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) untuk memberi pendidikan kesihatan bagi membendung penularan HFMD.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 25
RUANGAN : NEGARA

Sinar Harian m/s 25 Negeri 14/5/25 Rabu.

Kes HFMD meningkat di Johor – Exco

JOHOR BAHRU – Kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) menunjukkan peningkatan ketara sejak awal tahun dengan jumlah kumulatif mencecah 13,415 kes di Johor.

Menurut Exco Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Ling Tian Soon, jumlah tersebut dilihat lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya dan melepasi paras amaran sejak awal tahun lagi.

“Setakat Minggu Epid (ME) ke-19, sebanyak 1,964 kes direkodkan dan meningkat 16.4 peratus berbanding 1,687 kes pada minggu sebelumnya.

“Secara majoritinya kes melibatkan kanak-kanak berusia sehingga enam tahun adalah 80.3 peratus daripada keseluruhan kes,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Jelas beliau, sebanyak 86 kluster direkodkan di seluruh negeri melibatkan pelbagai premis termasuk 30 tabika, 21 pra-sekolah, 18 taska, 15 tadika, satu sekolah rendah dan satu rumah persendirian.

“Untuk rekod, setakat ini seramai 449 individu dijangkiti daripada lebih 3,500 dilihat terdedah kepada virus berkenaan.

“Susulan peningkatan mendadak itu, Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) mengeluarkan dua notis amaran kepada semua Pejabat Kesihatan Daerah, hospital kerajaan serta agensi pendidikan berkaitan pada 11



TIAN SOON

Mac lalu,” katanya.

Sementara itu, Tian Soon berkata, tujuan utama notis amaran dibuat adalah untuk mempertingkatkan kesiapsiagaan dan keprihatinan semua pihak termasuk pengusaha serta guru institusi pendidikan awal kanak-kanak dan pengusaha taman permainan terhadap peningkatan HFMD.

Malah, katanya, semua pihak khususnya institusi berkaitan perlu memperketat langkah kebersihan dan kawalan infeksi termasuk amaran mencuci tangan, etika batuk serta bersin yang betul serta tidak berkongsi barangan peribadi.

“Selain itu, langkah seperti saringan di pintu masuk sekolah, pengasingan pelajar bergejala dan laporan segera kepada pejabat kesihatan turut ditekankan bagi membendung penularan wabak ini.

“Kita juga difahamkan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut mengambil langkah proaktif dengan mengaktifkan ciri pengesanan penyakit berjangkit di MySejahtera bagi membantu masyarakat mengenal pasti kawasan berisiko HFMD dan beberapa penyakit berjangkit lain.

“Selain itu, orang ramai juga digesa agar sentiasa peka terhadap maklumat kesihatan awam dan mengamalkan gaya hidup bersih serta sihat terutama mereka yang mempunyai anak kecil,” katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

Sinar Harian 14/5/25 Rabu M/S 11 Nasional

Harian

KKM teliti salah guna vape

Tubuh jawatankuasa
khas nilai semula
dasar sedia ada

Oleh IZWAN ROZLIN
PUTRAJAYA

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi meneliti secara terperinci isu penggunaan vape terutamanya dalam kalangan pelajar.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri, Dr Dzulkefly Ahmad berkata, langkah itu diambil susulan pelaksanaan Akta 852 (Akta Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2024) yang mula dikuatkuasakan sepenuhnya baru-baru ini.

Menurutnya, penubuhan jawatankuasa tersebut dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Awam, Dr Ismuni Bohari serta Prof Dr Lokman yang juga penasihat kepada kementerian bagi isu kesihatan awam.

"Kami ambil maklum berlakunya beberapa kes yang tular di media sosial termasuk membabitkan pelajar berkumpul



Langkah diambil susulan beberapa kes tular di media sosial babitkan pelajar serta insiden kematian dikaitkan dengan vape.

an serta insiden kematian yang dikaitkan dengan penggunaan vape.

"Namun, siasatan awal mendapati terdapat faktor komorbiditi lain yang perlu

diperhalusi sebelum apa-apa keputusan dibuat," katanya selepas Sambutan Hari Bidan dan Jururawat Peringkat Kebangsaan 2025 di Institut Kanser Negara di sini pada Selasa.

Tambahnya, KKM memandang serius perkara itu dan telah mengarahkan jawatankuasa terbabit untuk segera mengadakan perbincangan dan penilaian semula dasar sedia ada.

Dzulkefly berkata, pihaknya juga mengarahkan supaya aspek penguatkuasaan serta keberkesanan pelaksanaan Akta 852 dikaji semula termasuk melakukan pemantauan secara menyeluruh terhadap kes yang berkaitan.

"Perkara ini akan dibawa ke mesyuarat jawatankuasa dalam masa terdekat untuk meneliti sama ada dasar sedia ada perlu dikekalkan atau ditambah baik dengan cadangan dasar baharu yang lebih sesuai.

"KKM mahu memastikan setiap keputusan yang diambil berlandaskan bukti (evidence-based) serta mengambil kira semua implikasi yang ada terhadap kesihatan awam," katanya.

Justeru beliau menegaskan KKM komited untuk menangani isu penggunaan vape secara menyeluruh demi keselamatan rakyat.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA



DR. DZULKEFLY bergambar bersama kakitangan kesihatan selepas Majlis Perasmian Sambutan Hari Bidan dan Hari Jururawat Peringkat Kebangsaan 2025 di Institut Kanser Negara, Putrajaya semalam.

Moratorium syif jururawat dilanjutkan sebulan

PUTRAJAYA – Moratorium tempoh interim pelaksanaan waktu bekerja selama 45 jam membatalkan jururawat dilanjutkan sebulan lagi, sebelum rumusan hasil daripada sesi libat urus tersebut dibentangkan kepada Kabinet pada 1 Julai depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, tempoh pelanjutan moratorium itu membolehkan pihaknya meneliti pelbagai aspek melibatkan petugas kesihatan terutamanya membabitkan isu kebajikan.

"Banyak kali saya sebut, saya tidak akan berpuas hati untuk membuat keputusan tanpa saya benar-benar memahami keseluruhan program kejururawatan secara terperinci (kerana) kumpulan berbeza, beban kerja (juga berbeza).

"Saya yakin kita sudah sampai di peringkat untuk membuat ketetapan itu.

"Memang mudah buat rumusan tetapi yang mustahak adalah segala pertimbangan, perhitungan dan keprihatinan yang cakna kepada bidang kejururawa-

tan ini supaya ia benar-benar dapat disesuaikan dan dilaksanakan," katanya selepas merasmikan Sambutan Hari Bidan dan Hari Jururawat Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di sini semalam.

Pada 25 Februari lalu, Dr. Dzulkefly dilaporkan berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) meluluskan tempoh interim bagi persediaan pelaksanaan pendekatan itu antara 1 Disember lalu hingga 28 Februari lalu.

Sementara itu, ketika ditanya

mengenai elaun jururawat yang sebelum ini dibangkitkan oleh Kesatuan Jururawat Malaya (MNU), beliau memaklumkan perkara itu masih di peringkat perbincangan.

"Saya (telah) arah perkara ini diteliti dan perlu sedikit waktu kerana ia masih peringkat perbincangan," ujarnya.

Pada 9 Mac lepas, MNU menyarankan kerajaan untuk menyemak semula elaun jururawat termasuk elaun wilayah RM1,000 sebulan bagi yang berkhidmat di luar negeri asal.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

The Sun m/s 3 Nasional 14/5/25 Rabu

'Moratorium on 45-hr work week for nurses extended'

PUTRAJAYA: The moratorium on the implementation of a 45-hour work week for nurses has been extended by another month, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said.

He said this would enable the ministry to examine and understand various aspects of healthcare workers, especially welfare issues, before recommendations are presented to

the Cabinet on July 1.

"The process is in its final stage and several engagements have been held. But as I said before, I will not decide without a thorough understanding of the nursing programme and related matters.

"It is important to consider all factors so that the decision will be fair," he told reporters after attending the national-level

Midwife and Nurses Day 2025 celebration yesterday.

On Nov 21 last year, Dzulkefly said the change in shift work hours for nurses was appropriate, subject to the Public Service Remuneration System that was implemented on Dec 1.

He said the 45-hour work week set through the system was essentially reduced by one hour compared to 46 hours a week as

provided under the General Orders.

On nurses' allowances that had been raised by the Malayan Nurses Union, he said the matter was still under discussion.

On March 9, the union sought a government review of all nurses' allowances, including the RM1,000 per month regional allowance for those serving outside their home state. – Bernama